

70,000 peruncit diberi tempoh peralihan sebulan

Kuala Lumpur: Kerajaan memberi tempoh peralihan selama sebulan kepada kira-kira 70,000 peruncit di seluruh negara menggunakan Sistem Jualan Runcit (POS) sepenuhnya.

Melalui POS, pengguna akan memperoleh resit bercetak terperinci mengenai barang yang dibeli sama ada dikenakan cukai barang dan perkhidmatan (GST) atau sebaliknya, bagi mengelakkan penipuan.

Pelaksanaan sistem terminal yang diwajibkan sejak 1 Oktober lalu, juga bertujuan mengelakkan ketirisan dalam kutipan GST dan mengekang penipuan kutipan GST ke atas pengguna di peringkat peruncit.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari Abdul Ghani, berkata tempoh peralihan

selama sebulan bertujuan memberi masa mencukupi kepada peruncit menggunakan sistem itu selepas pelaksanaan GST.

“Sistem ini adalah jalan paling mudah mengurangkan dispute (perselisihan masalah),” katanya kepada media pada Forum Pengguna V 2015 di Universiti Tun Razak (UNI-RAZAK) di sini, semalam.

Johari antara panel membincangkan isu GST. Anggota panel lain ialah Penasihat Persatuan Pemborong dan Peruncit Muslim Malaysia (MAWAR), Bazeer Ahmad dan Aktivis PPIM, Datuk Mustafa Hamzah.

Lindungi hak pengguna

Kerajaan sebelum ini mewajibkan penggunaan POS bagi melindungi kepentingan pengguna berikutan taktik se-



Johari (tiga dari kiri) ketika melancarkan aplikasi PPIM pada Forum Pengguna V 2015 di Kuala Lumpur, semalam.

bilangan peruncit yang menipu pengguna dengan memberi resit tulisan tangan yang tidak jelas.

Mustafa berkata, antara bentuk kelemahan pada GST ialah pemantauan di peringkat peruncit apabila ada pihak menipu pengguna dengan mengenakan caj pada barangan yang tidak dikenakan cukai.

Diminta mengulas isu kad tambah prabayar, Johari ber-

kata, syarikat telekomunikasi dijadual membentangkan keputusan akhir mengenai perkara itu pada 1 November depan berikutan arahan pihak kerajaan.

Kelmarin, PPIM dilaporkan akan mengadakan kempen migrasi besar-besaran jika syarikat telekomunikasi terbabit masih mengenakan caj tambahan enam peratus ke atas nilai kad tambah prabayar.